

27 MAR 2002

DINAR-MEKANISMA/I

PENGASAS LARIBA SARAN TUBUH MEKANISMA UTK TETAPKAN NILAI DINAR EMAS

Oleh: Emillia Rosnizar Ahmad Hanipiah

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Satu mekanisme yang menetapkan nilai dinar emas patut dibangunkan supaya ia boleh digunakan sebagai matawang bagi perdagangan antarabangsa, kata pengasas firma kewangan Amerika, LARIBA, Dr Yahia Abdul Rahman hari ini.

"Sekiranya kita menggunakan dinar, kita patutlah membangunkan satu mekanisme bagi mentakrif nilai pasaran sebenar emas dan perak kerana ia akan menjadi nilai asas dinar," beliau memberitahu pemberita pada Persidangan Pasaran Modal Islam Antarabangsa di sini hari ini.

"Jadi kita mahu membangunkannya di dalam cara yang amat kreatif," beliau berkata ketika merujuk cadangan Malaysia untuk menjadikan dinar emas sebagai matawang bagi perdagangan antarabangsa.

Sebelumnya, Dr Yahia telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Ikatan Strategik Antarabangsa bagi Pelaburan Islam: Perspektif Antarabangsa."

Dr Yahia berkata bahawa pada ketika ini, harga emas dan perak ditakrif berasaskan Pasaran Logam London yang tidak mewakili pasaran itu tetapi sebilangan institusi kewangan.

Beliau berkata bahawa sebuah lembaga untuk menetapkan harga logam-logam bernilai dan komoditi-komoditi di negara-negara anggota akan perlu untuk memberikan alternatif kepada sistem penetapan harga London sekarang.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa Malaysia telahpun mengusahakan mekanisme bagi penggunaan dinar emas.

Sementara itu, pengerusi eksekutif Arab-Malaysian Banking Group Tan Sri Azman Hashim, di dalam kertas kerjanya bertajuk "Ikatan Strategik Antarabangsa bagi Pelaburan Islam: Perspektif Malaysia" berkata bahawa negara-negara Islam mempunyai potensi bagi pembangunan.

"Kita boleh saling membantu dengan bersatu dan bersekutu, daripada segi ekonomi dan ideologi untuk mempermudah pergerakan faktor dan perdagangan di kalangan kita bagi pembangunan ekonomi negara-negara kita yang lebih besar," katanya.

Beliau berkata bahawa cadangan untuk menjadikan dinar emas matawang bersama bagi perdagangan di kalangan negara Islam bagi mengurangkan pergantungan kepada dolar AS akan merupakan satu faktor penyatuan yang utama.

Mengenai perkara lain, beliau berkata bahawa sebuah pasaran modal Islam yang matang adalah perlu untuk mengadakan lebih banyak peluang bagi institusi-institusi kewangan Islam dan pelaburan untuk melabur di dalam dana-dana mereka dengan cekap.

Beliau menambah bahawa di Malaysia, sumber-sumber di mana simpanan dan modal digembleng oleh sektor perbankan Islam telah melonjak kepada hampir RM60 bilion pada akhir tahun lalu daripada kurang daripada RM1.0 bilion sepuluh tahun lalu.

Azman berkata bahawa agihan pasaran berkaitan dengan sistem perbankan telah meningkat daripada kurang satu peratus dalam awal 90-an kepada 8.2 peratus tahun lalu, mencecah sasaran 8.0 peratus yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Beliau menambah kata jika arah aliran sekarang di mana pertumbuhan kukuh perbankan Islami boleh dikekalkan dan terus melangkaui prestasi industri keseluruhan, adalah mungkin bahawa sektor itu boleh mencapai sasaran 20 peratus menjelang 2010, atau malahan lebih awal.

"Sehingga tahun itu, jumlah aset sektor perbankan Islam diunjurkan sebanyak kira-kira RM350 bilion berikutan purata pertumbuhan sebanyak 20

peratus setahun, yang adalah kurang daripada separuh daripada kenaikan tahunan kira-kira 50 peratus yang dicatat dalam dekad yang lalu," kata Azman. -- BERNAMA
ER FR OS